

PENYEBAR FIKIRAN RAKYAT

# Utusan

MALAYSIA

[www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

■ RM1.5  
SEMENANJUN

■ RM2.0  
SABAH/SARAWAK

## THP perluaskan pemilikan tanah

KUALA LUMPUR 6 Mei – TH Plantations Bhd. (THP) yang meluaskan lagi saiz keluasan tanahnya daripada 32,000 hektar kepada 39,159 hektar, mahu meningkatkannya lagi kepada 50,000 hektar menjelang tahun 2012.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Zainal Azwar Zainal Aminuddin berkata, THP bercadang mencapai matlamatnya itu menerusi pengambilan alih pihak ketiga atau urus niaga pihak yang berkaitan.

Beliau berkata, syarikat mempunyai kredit kemudahan sokongan sebanyak RM120 juta menerusi terbitan Nota Tempoh Sederhana Bai Muharabah untuk rancangannya itu.

“Kami kini bertapak kukuh menempatkan diri kami sebagai syarikat perladangan bersaiz sederhana dan kami akan melak-

sanakan strategi pertumbuhan sedia ada kami dengan mensasar mengembangkan keluasan tanah kepada 50,000 hektar di lokasi-lokasi strategik,” kata beliau selepas mesyuarat agung tahunan THP di sini hari ini.

Zainal berkata, kumpulan itu telah mencapai tebaran perbezaan usia yang baik untuk perladangannya menerusi inisiatif pengambilalihan strategik dan dasar program tanaman semula.

Mengenai dividen, Zainal berkata kumpulan akan mengekalkan dasarnya mengagih 50 peratus daripada keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI).

Kumpulan juga telah mencadangkan dividen akhir 8.50 sen sesaham kurang 25 peratus cukai untuk tahun kewangannya berakhir 31 Disember 2009. - BERNAMA